

# Lelaki disabit berjudi di tempat awam didenda

**MIRI:** Gara-gara bermain judi dalam talian di tempat awam, seorang lelaki didenda RM2,000 atau dua bulan penjara oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam.

Hukuman itu dijatuhkan Majistret Ashok Linggam setelah tertuduh, Maxmillen Andam, 34, dari Bandar Baru Permyjaya di sini membuat pengakuan bersalah atas tuduhan yang dibacakan ke atasnya mengikut Seksyen 7(2) Akta Rumah Judi Terbuka 1953.

Mengikut kesalahan ini, tertuduh boleh didenda tidak melebihi RM5,000 atau penjara sehingga enam

bulan atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan dan semua peralatan atau perkakas yang disita di bawah seksyen ini boleh diisyiharkan oleh mahkamah untuk dilucutahkan kepada kerajaan serta diuruskan dengan sewajarnya.

Menurut keterangan kes, sekitar jam 5.45 petang, 7 Mac lalu, sepasukan pegawai dan anggota dari Ibu Pejabat Polis Daerah Miri yang melakukan pemeriksaan di sebuah lot kedai di Taman Tunku telah menahan seorang lelaki untuk tujuan pemeriksaan kerana disyaki terlibat aktiviti perjudian

jenis judi dalam talian.

Hasil pemeriksaan lanjut ke atas telefon bimbit milik tertuduh mendapati ia ada memaparkan aplikasi judi dalam talian.

Berikutan itu, tertuduh telah ditangkap dan telefon bimbitnya dirampas untuk dijadikan barang kes.

Di hadapan mahkamah, tertuduh merayu hukuman ringan memandangkan ini adalah kesalahan pertamanya.

Pendakwaan dilakukan pegawai pendakwa Inspektor Mudzilawati Abdul Rahman, manakala tertuduh tidak diwakili peguam bela.